

TARIKH	AHAD, 5 MEI 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KENAIKAN GAJI PENJAWAT AWAM TINGKAT KECEKAPAN JENTERA PUSAT
M/S	2
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Kenaikan gaji penjawat awam tingkat kecekapan jentera Pusat

PM yakin langkah dorong kemasukan pelaburan dalam negara

Oleh Muhammad Zulsyamini Sufian Suri
bhnews@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin peningkatan gaji penjawat awam akan membantu meningkatkan tahap kecekapan jentera kerajaan, sekali gus mendorong kemasukan pelabur yang secara tidak langsung turut melonjak hasil pendapatan negara.

Memberi contoh pengumuman pelaburan RM10.5 bilion oleh Microsoft Corporation serta oleh gergasi tenaga boleh baharu berpangkalan di Arab Saudi, ACWA Power yang akan melabur dengan PETRONAS yang juga memecah angka RM10 bilion, Perdana Menteri berkata, ia antara bukti keyakinan pelabur terhadap negara.

"Saya percaya kalau jentera kita itu cekap dan baik, maka dengan sendirinya orang (pelabur) datang... ia (mereka berani melabur) disebabkan politik stabil, negara aman.

"Jasa siapa lagi membuatkan negara aman kalau bukan badan penguatkuasaan pertahanan, terutama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang merupakan penjawat awam," katanya ketika menyampaikan amanat kepada warga PDRM selepas menyaksikan penyerahan Kem Sultan Nazrin Shah 69 Komando di Ulu Kinta, di sini, semalam.

Kem itu dibina bermula 2018 dengan kos RM236 juta dan men-

dapat sijil siap kerja pada 14 Februari lalu.

Hadir sama menyaksikan penyerahan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain.

Anwar yang juga Menteri Kewangan sempena perhimpunan Hari Pekerja Rabu lalu mengumumkan kenaikan gaji penjawat awam melebihi 13 peratus bermula Disember ini, sekali gus muncul antara kenaikan tertinggi diumumkan.

Ia antara usaha mengimbangi pendapatan antara pekerja gred rendah dan tinggi dengan kenaikan membabitkan gaji pokok dan bukannya elaun, selain perincian akan dibincang pada mesyuarat Kabinet sebelum diputuskan.

Elak ketirisan, rasuah

Mengulas kenaikan gaji kepada penjawat, Perdana Menteri berkata, ia akan menjadikan golongan itu lebih berdisiplin dan bersemangat untuk menjalankan tugas, termasuk menghindari ketirisan dan rasuah, sekali gus mendorong kemasukan lebih banyak pelabur luar.

Anwar bagaimanapun mengakui sedar ada pihak tertentu yang mempertikaikan kebijaksanaan kerajaan melaksanakan pemberian iaitu peningkatan kadar gaji lebih 13 peratus seperti yang diumumkan pada 1 Mei lalu, dalam keadaan Malaysia kini menghadapi kekangan ekonomi.

"Kalau kita beri tahap pengiktirafan, tunjuk ihsan dan kasih sayang serta hormat kepada penjawat awam, pekerja, polis, tentera dan semua jentera kita dengan disiplin, mengelakkan ketirisan dengan banteras rasuah, maka saya percaya negara ini akan dapat keberkatan dengan hasil yang lebih baik," katanya.



Anwar dan Saifuddin menyaksikan penyerahan kunci antara Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Dalam Negeri, Ahmad Fuad Apendi dan Razarudin (kanan) pada majlis penyerahan Kem Sultan Nazrin Shah 69 Komando di Ulu Kinta, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

Dalam pada itu, Anwar berkata, biarpun kerajaan mewarisi hutang negara dalam angka besar, tanggungjawab menjaga dan membela nasib penjawat awam, termasuk warga PDRM dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang umumnya menggalas tanggungjawab besar untuk menjamin keamanan dan keselamatan negara tidak akan diabaikan.

Sebab itu, beliau berkata, dalam kerangka kerajaan mengkaji skim penjawat awam ini, usaha

meneliti beberapa aspek yang dirasakan dipinggirkan sebelum tidak ditinggalkan dan diberi perhatian, walaupun kerajaan dan negara waris hutang besar.

Terdahulu, ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Angkuta Bomba Sedunia 2024 Peringkat Kebangsaan di Tambun, Perdana Menteri menempelak pihak yang mempertikai keputusan kerajaan menaikkan kadar gaji penjawat awam, dengan menekankan peranan serta pengorbanan khusus pasukan keselamatan

dalam memastikan negara aman serta selamat.

"Dia (pihak mempertikai) lupa negara ini aman, selamat daripada kebakaran, selamat daripada tanah runtuh... semuanya kerana perkhidmatan dan pengorbanan (JBPM).

"Kita lupa negara ini aman, selamat kerana yang mengawal itu tentera, polis, bomba. Semua itu secara automatik ada jabatan yang bertanggungjawab, tetapi kadang-kadang simpati dan kefahamannya kurang," katanya.

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM